

# Kerja lebih kuat majukan negara: Dr Mahathir

BH- 7/1/2020 ml: 2

Menteri, pegawai kerajaan digesa bekerjasama erat jayakan Dasar Kemakmuran Bersama 2030

Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
irwansha@nstp.com.my

**Putrajaya:** Tun Dr Mahathir Mohamad berharap kehadiran tahun baharu disambut semua pihak dengan resolusi untuk bekerja lebih kuat bagi kemajuan dan pembangunan supaya negara terus dipandang tinggi.

Perdana Menteri berkata, menteri dan pegawai kerajaan digesa bekerjasama lebih erat dan kebetukan kepentingan peribadi bagi menentukan segala dasar, terutama Dasar Kemakmuran Bersama 2030 untuk membangunkan negara dapat dilaksanakan dengan jaya.

"Kita lihat sekarang kemungkinan kita berjaya dalam matlamat kita amat besar, tetapi kita harus tahu bagaimana hendak jayakan dasar, rancangan dan strategi kita.

"Sebab itu saya berpendapat bahawa bagi tahun ini kita perlu bekerja lebih kuat, selain merayakan tahun baharu yang mem-

beri satu permulaan bagi kita membuat resolusi supaya negara dapat mencapai kemajuan, tidak lagi dipandang rendah, dihina oleh orang lain kerana kita tidak mampu tadbir dan bangunkan negara.

"Rancangan sudah diadakan, pendekatan juga sudah dicipta, saya cuma berharap semua pihak akan tumpukan kepada negara, bukan kepada diri sendiri," katanya berucap pada Perjumpaan Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri di sini, semalam.

Beliau berkata, kerajaan menyedari wujud perbezaan antara pihak tertentu, bandar dan luar bandar, negeri, wilayah dan juga antara kaum di Malaysia.

Bagi mengatasi masalah itu, bukan sahaja perancangan atau tindakan daripada kerajaan yang diperlukan tetapi sambutan daripada rakyat juga perlu untuk menjayakan dasar negara.

"Kita sedar ramai yang miskin dalam negara. Dahulu cara kita untuk mengatasi kemiskinan ialah dengan memberi bantuan, tetapi ia tidak mengatasi kemiskinan, kemiskinan berterusan.

"Kenapakah mereka miskin? Sebabnya kerana mereka tidak produktif, tidak menyumbang sesuatu kepada masyarakat, yang mana masyarakat akan membalas dengan memberi upah dan balasan kepada mereka.

"Tetapi sambutan oleh pihak yang miskin perlu diadakan dan ini perlu dijelaskan oleh semua pihak sama ada kerajaan pilihan rakyat atau jentera kerajaan yang kekal ini. Kalau kedua-dua pihak ini tumpukan kepada penjelasan kepada rakyat bahawa kemiskinan tidak mungkin diatasi dengan subsidi dan bantuan, sebaliknya menerusi produktiviti golongan ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, ke-

rajaan akan memperkenalkan cara bagi golongan miskin menambah pendapatan namun ia mesti diterima dan diamalkan.


"Memang ada yang tidak mampu, tidak boleh dan tidak ada kemahiran atau pengetahuan tetapi semua ini boleh diatasi kalau kita sanggup belajar untuk membuat sesuatu, bukan sahaja membuat kerja tetapi cara sikap kita terhadap tugas kita itu.

"Kita mesti ikhlas, pegang kepada segala amalan yang baik, jangan tipu sama sekali, jangan terbabit rasuah kerana itu semua menyekat pembangunan dan kejayaan negara," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mengamalkan ekonomi bebas yang membenarkan siapa sahaja yang sanggup berusaha menambah pendapatan mereka.

"Kita tidak iri hati adanya mereka yang begitu kaya sekali dalam negara, ada yang mendapat berbilion ringgit. Ada antara kita yang iri hati melihat mereka begitu kaya, terutama apabila mereka menjadi kaya hasil daripada sumbangan kita.

"Perasaan iri hati ini perlu dipendam, jangan dibiar mempengaruhi diri kita kerana yang kaya ini diperlukan supaya mereka membayar cukai yang tinggi, kadang-kadang ratusan juta dibayar kepada kerajaan dan wang inilah yang kita guna untuk membayar gaji dan untuk membangunkan negara kita," katanya.

 **Saya berpendapat bahawa bagi tahun ini kita perlu bekerja lebih kuat, selain merayakan tahun baharu yang memberi satu permulaan bagi kita membuat resolusi supaya negara dapat mencapai kemajuan, tidak lagi dipandang rendah, dihina oleh orang lain.**

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Perdana Menteri